

27/10/2003

Pendesak Yahudi tidak jejas pelancongan

Mutazar Abd Ghani

KULIM: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yakin kedatangan pelancong ke Malaysia tidak akan terjejas dengan tindakan kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat (AS) yang memboikot pelabur dan pelancong datang ke negara ini.

Menterinya, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata ini kerana majoriti rakyat biasa di AS dan negara Barat faham serta bersetuju dengan

pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), baru-baru ini.

Katanya, hanya segelintir kerajaan (pemimpin) di Barat yang tidak bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir itu, terutama mereka yang bergantung kepada sumber kewangan dan pengaruh kumpulan Yahudi.

Beliau berkata, pemimpin terbabit juga terpaksa membuat kenyataan yang memihak kepada kumpulan Yahudi, kerana sebagaimana diketahui umum kebanyakan media di Barat dikuasai kumpulan itu.

"Malah, sebelum ini apabila pemimpin di Barat membuat kenyataan yang lebih teruk dan keras terhadap Islam, tidak ada orang yang mempersoalkannya.

"Oleh itu, saya yakin kedatangan pelancong ke Malaysia tidak akan terjejas dengan tindakan kumpulan Yahudi itu, kerana majoriti rakyat biasa

di sana faham serta bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir," katanya selepas melawat beberapa kampung dan bilik jentera pilihan raya di Mahang, Kulim, dekat sini semalam.

Beliau mengulas kesan tindakan kumpulan pendesak Yahudi di AS, Pusat Simon Wiesenthal yang menggesa pelabur dan pelancong tidak ke Malaysia sehingga pemimpin yang menggantikan Dr Mahathir tidak menunjukkan sikap anti-Semitik.

Mengenai unjuran kedatangan pelancong ke Malaysia bagi keseluruhan 2003,

Abdul Kadir berkata, jumlahnya dijangka merosot kira-kira 30 peratus berbanding tahun sebelum, berikutan kejadian beberapa peristiwa yang menjejaskan rancangan orang ramai untuk melancong.

Katanya, ini termasuk kesan perang di Iraq, letupan bom di Bali dan Jakarta serta sebab paling ketara iaitu penularan wabak Sindrom Pernafasan

Yang Teruk (SARS) di beberapa negara Asia.

"Bagaimanapun, kita yakin industri pelancongan tempatan dijangka kembali

pulih tahun depan, sekali gus disasarkan memecahkan rekod seramai 15 juta

pelancong," katanya.

Sementara itu, Abdul Kadir yang juga Ahli Parlimen Kulim/Bandar Bahru mengingatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) peringkat bawahan tidak mudah

menganggap mereka yang mengkritik kerajaan sebagai pembangkang.

Katanya, ini kerana mereka mungkin mempunyai asas berbuat demikian, termasuk berasa kecewa apabila terlalu lama untuk mendapatkan sesuatu yang diminta, terutama kemudahan asas.

"Kita kena selidik dulu apa sebab mereka bersikap demikian (mengkritik kerajaan) dan bukan terus menganggap mereka sebagai pembangkang, sekaligus meminggirkan golongan berkenaan.

"Ini amalan tidak baik kerana apabila seseorang itu sering dipinggirkan, lambat laun mereka akhirnya benar-benar menyertai pembangkang, sedangkan pada asalnya tidak," katanya.